



DERAF TEKS UCAPAN

TUAN YANG TERUTAMA

YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK

TUN PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD

CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA

SARAWAK

SEMPENA

MAJLIS KONVOKESYEN UNIMAS KE-21

DI

ARENA GEMILANG, DETAR PUTRA

06 NOVEMBER 2017

(Salutation to be updated)

**Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang
Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji
Openg**

Ketua Menteri Sarawak, dan isteri

**Yang Amat Berbahagia Datin Patinggi Dato
Hajjah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang**

**Yang Berbahagia Datuk Patinggi Tan Sri (Dr)
Alfred Jabu Anak Numpang, dan isteri**

Yang Berbahagia Tan Sri Dato Sri Empiang Jabu

Yang Berbahagia Datu Dr Hatta Solhi,

Pengerusi, Lembaga Pengarah UNIMAS, dan isteri

Yang Berbahagia Datin Mariam Dawood

**Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr Mohamad
Kadim Suaidi**

Naib Canselor, Universiti Malaysia Sarawak dan
isteri

Yang Berbahagia Datin Kartini Ahmad

Naib-Naib Canselor dan Rektor Universiti-Universiti
Awam.

Timbalan-Timbalan Naib Canselor UNIMAS.

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah, Tuan-Tuan dan
Puan-Puan.

Saudara dan Saudari.

Dan Bakal Graduan sekalian

Assalamualaikum

warahmatullahi

wabarakatuh, salam sejahtera.

1. Bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana atas limpah kurnia-Nya, kita dapat sama-sama berhimpun di dewan bersejarah ini untuk meraikan majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak ke-21 pada hari ini.

2. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada bakal-bakal graduan yang berhimpun pada hari ini. Hari bersejarah ini kini dalam tatapan kita dan wajah ceria saudara-saudari sekalian mezhahirkan kegembiraan untuk menggenggam segulung ijazah yang bakal dianugerahkan kepada saudara-saudari terima sebentar lagi.

3. Kegembiraan ini turut dirasai oleh ibu bapa yang berusaha keras untuk memastikan kejayaan

anak-anak mereka dalam bidang pendidikan. Justeru itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ibu bapa yang hadir pada hari ini kerana kejayaan anak masing-masing.

Pergi ke Mukah menebang rumbia

Rebah ke ulu menjadi titi

Bila lelah datang menjelma

Segulung ijazah pengubat hati

4. Ucapan tahniah juga saya tujukan buat ahli akademik dan warga kerja UNIMAS kerana atas kesungguhan dan komitmen anda dalam memberikan ilmu dan perkhidmatan kepada mahasiswa-mahasiswi sepanjang pengajian mereka.

Sayang Semerak jeraya lebar

Anak Bugis jalan bertiga

Arap kitak banyak bersabar

Lelah mendidik bangsa berjasa

5. Kita amat bertuah kerana bersempena Majlis konvokesyen pada kali ini, UNIMAS turut menyambut sambutan Jubli 25 Tahun UNIMAS. Banyak pencapaian telah dikecapi sepanjang tempoh 25 tahun ini baik di bidang akademik, penyelidikan mahupun penerbitan.

Hadirin yang saya hormati sekalian

6. Dunia hari ini terus berubah pesat. Perubahan kini dirasakan dalam semua peringkat kehidupan,

termasuk pendidikan. Ilmu yang dipelajari juga berubah dengan begitu pantas. Pembelajaran sepanjang hayat tidak lagi sekadar falsafah pendidikan tetapi perlu diterjemahkan sebagai amalan seharian setiap individu dalam menangani perubahan pesat dalam dunia pekerjaan. Untuk sentiasa relevan, para graduan perlu mengemaskinikan ilmu dengan terus membaca dan mengkaji. Perkara ini menjadi tuntutan dalam kehidupan dunia yang berubah.

7. Seluruh dunia kini memperkatakan Revolusi Industri 4.0. Revolusi ini mengubah produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Proses untuk menghasilkannya turut berubah. Kesannya dirasai dalam semua peringkat kehidupan

masyarakat, negara dan dunia. Gambaran dalam filem-filem sci-fi kini mencelah dan membentuk realiti kehidupan seharian.

8. Teknologi yang semakin canggih dan kompleks dengan pantas menukar *landscape* dunia yang kita kenali hari ini. Seluruh dunia akan dihubungkan, bersepadu secara fizikal dan digital oleh teknologi yang sentiasa diperbaharui. Akhirnya kita sukar untuk membezakan apakah itu realiti dan apakah yang bukan? Mantera dalam era teknologi baharu ini ialah konvergen.

9. Revolusi Industri 4.0 mewujudkan dunia yang saling berhubungan, mesin pintar, dan media baharu yang mengubah cara kita berfikir tentang

kerja. Apakah itu kerja? Bagaimanakah kita belajar dan mempelajari kemahiran untuk bekerja pada masa depan?

10. Dengan kata lain, sistem pendidikan semasa juga perlu melakukan anjakan paradigma. Kita kini diambang sistem Pendidikan 4.0, Kita harus membuat pecutan ini agar dunia pendidikan kita sentiasa relevan dengan kepesatan perubahan teknologi dunia. Saya gembira kerana Unimas mendakap perubahan ini dan telah memulakan langkah untuk melaksanakan Pendidikan 4.0.

11. Untuk berjaya dalam Pendidikan 4.0, terdapat tiga perkara yang perlu dilaksanakan oleh Unimas dan universiti-universiti lain di

Negara ini agar modal insan yang dilahirkan sentiasa relevan dengan keperluan industri.

12. Pertama, program pendidikan perlu sentiasa dikemaskinikan dan memenuhi keperluan industri yang sudah melangkah ke Industri 4.0. Kita perlu melahirkan modal insan yang membolehkan manusia dan mesin disejajarkan bagi membentuk kemungkinan-kemungkinan baharu.

13. Kedua, memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi digital. Kita memerlukan modal insan yang bijak menangani dunia yang saling berhubungan ini. Insan yang arif mentafsir data besar, kandungan sumber terbuka (open source

content), dan data peribadi dengan menggunakan teknologi terkini.

14. Ketiga, menyediakan kerangka bersepadu bagi merancang pembelajaran masa depan. Modal insan yang dilahirkan perlu mampu menerapkan pembelajaran sepanjang hayat dari kecil sehingga ke alam pekerjaan. Kerana pada ketika itu, mesin semakin pintar, manusia tidak boleh jadi alat kepada mesin.

Hadirin hadirat yang saya muliakan sekalian,

15. Sehubungan dengan ini Sarawak kini pesat membangunkan infrastruktur digitalnya. Kerajaan Sarawak telah memperuntukkan RM1

billion dalam masa tiga tahun ini untuk memajukan lebuh raya maklumat dan infrastruktur digital lain bagi menghubungkan bandar dan luar bandar. Langkah ini untuk memastikan Sarawak mempunyai kemampuan dan landasan kukuh untuk bersaing dalam ekonomi digital.

16. Pada masa ini, ekonomi global yang terus pesat berkembang memerlukan persiapan rapi dilakukan oleh setiap pemain industri bagi memastikan mereka berupaya untuk bersaing secara lebih kompetitif dalam dunia tanpa sempadan. Kita di Sarawak tidak ketinggalan dalam mempersiapkan diri dalam persaingan yang kian sengit.

17. Kata-kata Jeff Bezos, usahawan dan pemilik Amazon.com perlu dijadikan pedoman dalam mempersiapkan diri dengan ekonomi digital.

Beliau berkata:

What we need to do is always lean into the future; when the world changes around you and when it changes against you - what used to be a tail wind is now a head wind - you have to lean into that and figure out what to do because complaining isn't a strategy.

18. Para graduan hari ini dapat melakukan perubahan-perubahan yang diperlukan dengan memupuk semangat inovasi. Kita perlukan lebih ramai modal insan yang mampu mencipta inovasi baharu. Inovasi yang membawa perubahan. Inovasi yang sebenarnya membezakan seorang

pemimpin daripada pengikutnya. Kita harus memulakan inovasi dan bukan sekadar pengguna inovasi. Sudah tiba masanya, kita pula menjadi perintis teknologi masa depan.

Graduan sekalian,

19. Pembelajaran dan inovasi sebenarnya saling berkaitan. Pembelajaran menjadi input kepada inovasi. Inovasi tidak akan wujud tanpa pembelajaran. Dalam hal ini, kita perlu memastikan keangkuhan tidak menyelinap masuk dalam jati diri kita sehingga melenyapkan semangat berinovasi.

20. Keangkuhan menjelma apabila kita beranggapan bahawa kejayaan hari ini sudah

cukup untuk kita meraih kejayaan hari esok. Semangat inovasi ini perlu dipupuk dan dinyalakan dalam diri setiap graduan.

21. Saya yakin apabila tradisi semalam digabungkan dengan inovasi hari ini, Malaysia akan muncul sebagai gergasi bukan sahaja dalam ekonomi digital, tetapi juga pendokong Revolusi Industri 4.0 dan Pendidikan 4.0. Inovasi tidak akan menjadi kenyataan, kalau kita hanya leka bermimpi. Mimpi sepatutnya mencetuskan kreativiti yang meledakkan inovasi berguna bagi pemanfaatan masyarakat.

Para graduan sekalian,

22. Selepas ini anda akan berkelana untuk bekerja mengikut pilihan masing-masing. Saya ingin ingatkan anda semua, agar jangan terlupa.

Walau di mana anda berada

Pasti ingat kita ini siapa

Jangan lupa asal usul kita

UNIMAS tempat kita berbudaya

23. Kita harus sentiasa menjaga tutur bahasa kerana ia menjadi cerminan budi. Jangan kita asyik berkata-kata kerana begitulah tanggapan orang kepada kita. Yakini dengan kemampuan diri tetapi jangan pula menyombong sendiri. Berbaktilah kepada masyarakat, tempat kita mencari berkat.

Para hadirin sekalian,

24. Dengan lafaz bismillahhirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan pembukaan sidang pertama Majlis Konvokesyen UNIMAS ke-21 pada hari ini.